

TARIKH	14 / 4 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	23	RUANGAN	SETEMPAT

# Tabung Haji tolak rasuah

## Tandatangani Ikrar Integriti Korporat janjikan perniagaan telus

Muhd Izwan Baharin

izawan@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) menjadi syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) pertama menandatangani Ikrar Integriti Korporat semalam, sekaligus membentuk persekitaran perniagaan yang adil, telus serta bebas daripada rasuah.

Selepas menandatangani Ikrar Integriti Korporat, sesebuah syarikat membuat pendirian jelas mengenai cara beroperasi yang dilakukan secara bertulis dan menjadi panduan dalam interaksi perniagaan, ikrar itu juga membezakan sesebuah organisasi kepada pihak berkepentingan bahawa operasi perniagaannya tidak termasuk sebarang risiko atau kos terlindung dikaitkan dengan rasuah.

Ia juga meningkatkan tahap keyakinan pelabur asing dan tempatan selain memberi isyarat jelas kepada kakitangan bahawa mereka serius memerangi rasuah.

Pengerusi Tabung Haji, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor berkata, ia adalah sebahagian daripada usaha Tabung Haji, anak syarikat

serta syarikat berkaitan untuk memupuk dan mengamalkan nilai integriti sejajar dengan inisiatif kerajaan.

"Apabila ikrar ini ditandatangani, kita akan amalkan di semua peringkat sama ada di kepimpinan atasan sehingga ke bawah," katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail; Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Abu Kassim Mohamed; Presiden Institut Integriti Malaysia, Datuk Mohd Tap Salleh dan Pengerusi Media Prima Berhad, Datuk Johan Jaafar.

Abi Musa Asa'ari berkata, langkah itu dilaksanakan bukan kerana berlakunya rasuah, tetapi ia usaha berterusan bagi memupuk penghayatan terhadap nilai integriti di dalam syarikat.

"Kita akan laksanakan pelbagai lagi program secara berterusan dengan pihak SPRM bagi memastikan ikrar yang ditandatangani dapat diamalkan sepenuhnya," katanya.

Sementara itu, Ismee dalam

ucapannya berkata, melalui ikrar itu, Tabung Haji akan berusaha mewujudkan budaya integriti melalui pengukuhan sistem kawalan dalaman dan membangunkan

program pencegahan rasuah.

"Kita akan mempromosikan nilai ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik termasuk membabitkan pembekal, kontraktor, pelanggan serta pihak ketiga selain pematuhan kepada undang-undang dan peraturan berkaitan memerangi rasuah.

"Tabung Haji tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana anggota atau pihak ketiga yang terbabit dengan rasuah berkaitan perniagaan dan perkhidmatan tanpa mengira kedudukan serta status selain menyokong segala inisiatif pencegahan rasuah diusahakan kerajaan dan SPRM," katanya.

Beliau berkata, Tabung Haji juga melancarkan e-Aduan Rasuah melalui laman webnya, [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) sebagai platform mudah bagi orang ramai atau kakitangan syarikat membuat aduan sekiranya terdapat bukti kukuh rasuah dan salah guna kuasa.



FOTO | Salthani Ibrahim

**IKRAR INTEGRITI**  
...Ismee (kiri) menyerahkan Ikrar Integriti Korporat kepada Abu Kassim sambil diperhatikan Abi Musa Asa'ari (dua dari kiri) dan Mohd Tap, semalam.